

# Dr M Ke arah industri berat

SEOUL, Selasa — Malaysia akan mengutamakan bidang industri dan kejuruteraan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) bermula tahun 1986, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, usaha menekankan bidang itu termasuk melaksanakan pertumbuhan industri berat berasaskan besi dan timah adalah perlu untuk membara Malaysia ke arah sebuah negara perindustrian menjelang akhir rancangan itu.

Negara kini telah pun memulakan bidang itu seperti menggalakkan pertumbuhan usaha pembuatan dan komponen barang yang lebih sofistikated.

"Kami harap usaha-usaha seperti ini akan terus dikembangkan seperti membuat keluaran barang-barang lengkap dalam Rancangan Malaysia Kelima," katanya dalam satu interviu khas dengan akhbar *The Korea Herald* yang terbit hari ini.

## Keyakinan

Interviu yang dimuatkan dalam keluaran khas 12 muka itu diarahkan sempena lawatan rasmi Datuk Seri Perdana Menteri ke Seoul.

"Malah saya yakin," katanya, "negara perindustri akan menjadi nyata berikutan keyakinan saya terhadap kestabilan politik dan ekonomi di Malaysia."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan yang ada sekarang akan terus memerintah negara ini untuk jangka waktu yang panjang.

## Oleh ZAINUDDIN AYIP

penyerimannya dari berbagai lapisan masyarakat mengenai dasar-dasarnya.

"Malaysia kini berjaya mempertham kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan. Ini memudahkan negara ini menjadi sebagai sebuah negara yang maju dan stabil," jelasnya.

Beliau juga menjelaskan sebab-sebab kerajaan melaksanakan dasar Pandang ke Timur, iaitu menjadikan Jepun dan Korea Selatan sebagai contoh untuk diteladani.

Katanya, "jika kita hendak memonitohi seseorang, kita mesti mencontohi yang baik." Beliau berkata, "jika kita hendak memonitohi seseorang, kita mesti mencontohi yang baik."

"Dalam pada itu kita pula menoleh ke Timur khususnya Jepun. Kita dapat belajar dari beliau," katanya lagi.

cepat maju, malah lebih maju dari Barat. Adalah tidak salah bagi kita memonitohi negara itu," jelasnya berterus terang.

Beliau berharap, menurusi dasar baru itu, sikap kerajinan rakyat akan dapat dipupuk seperti rajin bekerja, setia pada majikan dan berusaha memajukan diri sendiri.

## Penting

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan mengubah dasar-dasarnya berikutan kemelelehan ekonomi, Perdana Menteri berkata:

"Tidak menubuhkan dasar baru, tetapi akan mengubah sikap berkerja yang ada sekarang. Kita akan menggalakkan sikap berkerja yang lebih baik."

"Malah saya juga telah mengarahkan setiap Kementerian dan Jabatan Kerajaan untuk menjalankan projek yang mereka kendalikan supaya sesuatu projek yang penting dan berguna kepada rakyat ditamatkan dulu," jelasnya.

Dalam Interviu itu, Perdana Menteri juga menerangkan usaha kerajaan menerangkan konsep Dr. M, cegah dan amarah di kalangan rakyat termasuk kakitangan kerajaan.

"Saya harap konsep itu akan mengurangkan kadar rasuah di kalangan kakitangan kerajaan di samping menggalakkan pekerja-pekerja di sektor awam dan swasta bekerja lebih cekap dan rajin," katanya lagi.



● PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedang menerima anugerah bintang Perkhidmatan Cemerlang (Order of Service Merit, Grand Commander) dari Presiden di Seoul.

Doa-Hwan di kediaman Presiden itu semalam. Di tengah ialah isteri Perdana Menteri dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah.

Bahan asal dari Artikel Negara Malaysia

No. Siri: 5860  
No. Penerimaan: 177/86